



## **Singapore–Cambridge General Certificate of Education Advanced Level (2026)**

# **H3 Malay Language and Literature Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 (Syllabus 9921)**

## KANDUNGAN

---

	<i>Halaman</i>
<b>TUJUAN</b>	<b>3</b>
<b>MATLAMAT</b>	<b>3</b>
<b>OBJEKTIF PENILAIAN</b>	<b>4</b>
<b>FORMAT PEPERIKSAAN</b>	<b>4</b>
<b>JADUAL PENGKHUSUSAN</b>	<b>5</b>
<b>TEKS YANG DITETAPKAN</b>	<b>7</b>
<b>RUBRIK PEMARKAHAN</b>	<b>8</b>

---

## **TUJUAN**

---

Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 GCE Peringkat Lanjutan bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan pelajar dalam bidang bahasa dan kesusasteraan berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu H3 Peringkat Lanjutan, Kementerian Pendidikan.

## **MATLAMAT**

---

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 2021 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan pra-universiti, pelajar berupaya untuk:

### **Bahasa**

- (a) menulis eseи/karya yang berstruktur dengan penjelasan yang terperinci dan mendalam;
- (b) menggunakan beberapa strategi yang sesuai untuk menulis eseи/karya dengan jelas dan tersusun untuk menggambarkan peristiwa dan pengalaman atau perbincangan yang mampu memperkuuh sudut pandangan berlandaskan alasan-alasan dan bukti-bukti yang wajar;
- (c) mentafsirkan dan menilai maklumat dan perincian penting dalam teks lisan atau tulisan tentang pelbagai topik dengan menggunakan laras bahasa yang sesuai serta membuat kesimpulan yang jitu tentang teks tersebut dan mengaitkannya dengan pengalaman peribadi;
- (d) melahirkan, menyampaikan dan bertukar-tukar pandangan dengan jelas dan berstruktur dengan menggunakan lensa yang berbeza tentang pelbagai topik semasa berkomunikasi;
- (e) memberikan komen tentang pelbagai topik di luar bidang mereka dan dapat menyampaikan pendapat mereka dengan ringkas, padat dan jitu;

### **Kesusasteraan**

- (f) menyelami teks dan mengaitkan diri mereka dengan pelbagai teks serta membuat renungan berdasarkan pengalaman hidup mereka;
- (g) memahami unsur-unsur kesusasteraan dalam genre yang berbeza, mengapresiasi nilai estetik teks dan penggunaan gaya bahasa penulis dengan minda yang perseptif dan ingin tahu;
- (h) menganalisis gagasan utama dan persoalan-persoalan dalam teks dan meneroka kepentingan sesuatu teks itu terhadap masyarakat dan dunia;
- (i) memahami teks dengan membuat kaitan antara konteks yang terdapat dalam teks dengan dunia tempat tinggal mereka, membuat renungan tentang pegangan nilai, perspektif dan identiti mereka dan meningkatkan kesedaran menerusi lensa yang berbeza-beza;
- (j) mengkonsepkan maksud melalui penulisan, menggambarkan peristiwa dan pengalaman serta menyampaikan pandangan mereka dengan bukti-bukti, alasan-alasan dan hujahan, serta menggabungkan dan menyampaikan respons mereka kepada orang lain;
- (k) menulis eseи yang berstruktur dengan penjelasan yang terperinci dan mendalam; dan
- (l) mengemukakan penilaian yang kritikal terhadap kandungan dalam teks sastera.

## OBJEKTIF PENILAIAN

---

Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 GCE Peringkat Lanjutan bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa dan sastera berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 2021, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) menghasilkan satu penulisan asli yang kreatif; berstruktur dengan penjelasan yang terperinci dan mendalam berlandaskan alasan-alasan dan bukti-bukti yang wajar;
- (b) membuat penilaian dan menganalisis teks yang diberikan dengan membuat kaitan antara konteks yang terdapat dalam teks dan membuat renungan tentang pegangan nilai yang diketengahkan;
- (c) memberikan respons secara kritikal dan kreatif terhadap teks yang diberikan serta menyampaikan pandangan mereka dengan bukti-bukti, alasan-alasan dan hujahan; dan
- (d) membandingkan secara kritikal dan kreatif teks yang diberikan.

## FORMAT PEPERIKSAAN

---

Format peperiksaan bagi Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 GCE Peringkat Lanjutan terbahagi kepada:

### Kertas 1 (e-Peperiksaan): Penulisan Ekspresif – 50 markah (50%)

Kertas ini mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki untuk menjawab **satu** soalan sahaja. Penulisan asli yang dihasilkan haruslah kurang daripada 550 patah perkataan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 15 minit. Calon dibenarkan untuk menggunakan kamus.

### Kertas 2: Kesusasteraan – 50 markah (50%)

Kertas ini terbahagi kepada dua bahagian: Bahagian A: Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) dan Cerpen Pilihan, dan Bahagian B: Analisis Teks. Calon dikehendaki untuk menjawab **satu** soalan bagi setiap bahagian. Soalan-soalan yang diberikan berbentuk rujuk buku atau *open-book*. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 45 minit

#### Bahagian A: Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) dan Cerpen Pilihan

Bahagian A mengandungi empat soalan. Calon dikehendaki untuk menjawab **satu** daripada empat soalan yang dikemukakan. Soalan-soalan yang dikemukakan menguji:

- (a) isi cerita
- (b) perkembangan cerita atau plot
- (c) tema
- (d) perutusan
- (e) perwatakan
- (f) nukilan
- (g) perbandingan dua cerita dari segi tema, perwatakan dan perutusan

### Bahagian B: Analisis Teks

Bahagian B mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki untuk menjawab **satu** daripada dua soalan yang dikemukakan dengan menulis ulasan kritikal bagi teks yang diberikan. Soalan-soalan lain yang dikemukakan menguji:

- (a) isi prosa/puisi
- (b) tema
- (c) perkembangan plot dalam prosa
- (d) perutusan dalam prosa/puisi
- (e) perwatakan
- (f) nukilan
- (g) bentuk puisi
- (h) aliran puisi
- (i) corak puisi
- (j) unsur-unsur persajakan

## JADUAL PENGKHUSUSAN

---

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (e-Peperiksaan) (1 jam 15 minit)	<b>Penulisan Ekspresif</b>	Respons Bebas	2 (1)	50 (50%)	<p>Calon dikehendaki untuk menjawab <b>satu</b> soalan sahaja.</p> <p>Karya yang dihasilkan haruslah tidak kurang daripada 550 patah perkataan.</p>
2 (1 jam 45 minit)	<b>Kesusasteraan</b>  <u>Bahagian A:</u> Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) dan Cerpen Pilihan  <u>Bahagian B:</u> Analisis Teks	Respons Bebas  Respons Bebas	4 (1)  2 (1)	25 (25%)  25 (25%)	Calon dikehendaki untuk menjawab <b>dua</b> soalan; <b>satu</b> soalan daripada Bahagian A dan <b>satu</b> soalan daripada Bahagian B.
	<b>Jumlah</b>		<b>8 (3)</b>	<b>100 (100%)</b>	

## TEKS YANG DITETAPKAN

---

Teks	Pengarang
1 <i>Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)</i> (Cetara 1 – 5)	A Samad Ahmad (Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur)
2 <i>Cerpen Pilihan</i> <i>Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3</i>	<i>Unit Bahasa Melayu</i> <i>Cawangan Bahasa Ibunda</i> <i>Bahagian Perancangan dan Pembangunan</i> <i>Kurikulum</i> <i>Kementerian Pendidikan Singapura</i>
a) <i>Sisa</i>	<i>Hadjah Rahmat</i>
b) <i>Ke Mana Hati Hendak Kubawa</i>	<i>M. Fuad Salim</i>
c) <i>Kembalilah Mama</i>	<i>Maya</i>
d) <i>Lembu</i>	<i>Ismail Wardi</i>
e) <i>Igauan Siang Hari</i>	<i>Saedah Saat</i>

## RUBRIK PEMARKAHAN

---

### KERTAS 1: PENULISAN EKSPRESIF

#### ISI

BAND	PENERANGAN
<b>BAND 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• sangat relevan</li> <li>• isi amat mencukupi</li> <li>• sangat menarik</li> <li>• isi diperluas dengan baik sekali dan meyakinkan</li> <li>• keaslian dalam penulisan</li> <li>• imaginatif dan kreatif</li> </ul> <p><i>(Hasil kerja calon dalam band ini hendaklah menunjukkan perincian yang bermakna atau maklumat yang luas atau ilustrasi yang sesuai.)</i></p>
<b>BAND 2 (ATAS)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• sangat relevan</li> <li>• mencukupi</li> <li>• menarik</li> <li>• isi diperluas dengan baik dan meyakinkan</li> <li>• keaslian dalam penulisan</li> <li>• imaginatif dan kreatif</li> </ul> <p><i>(Kebanyakan hasil kerja calon dalam band ini boleh jadi panjang, logik dan tersusun rapi tetapi tidak banyak yang menarik (asli), yang lain mungkin menarik (asli) tetapi tidak dapat bertahan atau seimbang seperti skrip-skrip Band 1.)</i></p>
<b>BAND 2 (BAWAH) 13 - 15</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• relevan</li> <li>• mencukupi</li> <li>• kebanyakan isi diperluas dan meyakinkan</li> <li>• masih menarik/masih asli</li> <li>• imaginatif dan kreatif</li> </ul>
<b>BAND 3 (ATAS) 10 - 12</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• masih relevan</li> <li>• memadai</li> <li>• tidak banyak diperluas dengan baik</li> <li>• tidak begitu menarik/tidak begitu asli</li> <li>• kurang imaginatif dan kreatif</li> </ul>
<b>BAND 3 (BAWAH) 7 - 9</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kurang relevan</li> <li>• tidak mencukupi</li> <li>• tidak diperluas dengan baik/tidak tersusun dan terputus-putus/terdapat pengulangan</li> <li>• tidak menarik/tidak asli</li> <li>• tidak imaginatif dan kreatif/idea terputus-putus dan tidak dapat disampaikan dengan jelas serta terdapat kesamaran</li> </ul>
<b>BAND 4 1 - 6</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kurang relevan, kabur dan samar</li> <li>• tidak mencukupi dan sangat cetek</li> <li>• tidak diperluas dengan baik/tidak tersusun dan terputus-putus/terdapat pengulangan</li> <li>• tidak menarik/tidak asli</li> <li>• tidak imaginatif dan kreatif idea yang terputus-putus, tidak dapat disampaikan dengan jelas, terdapat kesamaran</li> </ul>

**BAHASA/SUSUNAN**

BAND	PENERANGAN
<b>BAND 1 19 - 25</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• susunan dan pemerengganan amat baik</li> <li>• kebolehan linguistik cemerlang</li> <li>• tidak terdapat kesilapan besar, sedikit sekali kesilapan kecil</li> <li>• menunjukkan kejituan dan kepelbagaian kosa kata</li> <li>• menggunakan ayat-ayat kompleks dengan berkesan/struktur ayat tepat dan cemerlang</li> </ul>
<b>BAND 2 (ATAS) 16 - 18</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• susunan dan pemerengganan baik</li> <li>• kebolehan linguistik sangat baik</li> <li>• terdapat sedikit kesilapan besar dan kesilapan kecil</li> <li>• kepelbagaian kosa kata</li> <li>• menggunakan ayat-ayat kompleks dengan berkesan/struktur ayat yang tepat tetapi tidak semestinya cemerlang</li> </ul>
<b>BAND 2 (BAWAH) 13 - 15</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• susunan dan pemerengganan memadai</li> <li>• kebolehan linguistik baik</li> <li>• terdapat beberapa kesilapan besar dan kesilapan kecil</li> <li>• kepelbagaian kosa kata terhad</li> <li>• menggunakan ayat-ayat kompleks yang bebas daripada ulangan yang membosankan/struktur ayat sederhana sahaja</li> </ul>
<b>BAND 3 (ATAS) 10 - 12</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• susunan dan pemerengganan sederhana</li> <li>• kebolehan linguistik sederhana</li> <li>• terdapat agak banyak kesilapan besar dan kesilapan kecil</li> <li>• penggunaan kosa kata terhad</li> <li>• ayat pada umumnya pendek dan stereotip tetapi terdapat beberapa ayat kompleks</li> </ul>
<b>BAND 3 (BAWAH) 7 - 9</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pemerengganan lemah</li> <li>• kebolehan linguistik lemah</li> <li>• banyak kesilapan tatabahasa dan sintaksis</li> <li>• terdapat kesilapan dalam kosa kata asas dan ungkapan-ungkapan yang mudah-mudah</li> <li>• bahasa dan struktur ayat mudah-mudah sahaja/struktur ayat yang tidak lengkap</li> </ul>
<b>BAND 4 1 - 6</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pemerengganan amat lemah</li> <li>• kebolehan linguistik amat lemat</li> <li>• banyak kesilapan tatabahasa dan sintaksis</li> <li>• banyak kesilapan dalam pelbagai kata asas dan ungkapan-ungkapan yang mudah-mudah</li> <li>• banyak kesilapan dalam pelbagai aspek</li> </ul>

**KERTAS 2: KESUSASTERAAN**

BAND	PENERANGAN
1 (21-25)	<ul style="list-style-type: none"> <li>jawapan yang cemerlang; menunjukkan diskriminasi dan kadangkala keaslian dalam respons yang dilakukan secara kritis terhadap teks</li> <li>membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks</li> <li>menilai kesan bentuk, gaya dan bahasa yang digunakan oleh penulis secara matang dan memfokus terhadap soalan dan isu penting yang dibincangkan</li> <li>mengembangkan hujah/isi yang diperlukan oleh soalan dengan terperinci dan padat serta memberikan isi yang amat relevan</li> <li>menunjukkan pemahaman yang sofistikated terhadap konteks teks yang diuji; dari segi masa, tema, genre, sejarah</li> <li>memberikan sokongan yang terperinci dan rujukan yang berkaitan dengan teks; menggunakan nukilan, parafrasa dan peristilahan yang kritis dengan tepat</li> <li>jawapan dalam band ini merupakan jawapan yang sensitif dan tajam daya tanggapan terhadap soalan serta dari sudut peribadi; jawapan biasanya halus, ringkas lagi padat, sofistikated dengan menggunakan gaya yang lancar dan dapat mengutarakan idea yang kompleks</li> </ul>
2 (17-20)	<ul style="list-style-type: none"> <li>jawapan yang baik; menunjukkan respons peribadi yang kritis dan berpengetahuan terhadap teks</li> <li>membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks</li> <li>menilai kesan bentuk, gaya dan bahasa yang digunakan oleh penulis secara matang dan memfokus terhadap soalan dan isu penting yang dibincangkan</li> <li>mengembangkan hujah/isi yang diperlukan oleh soalan dengan padat dan memberikan isi yang relevan</li> <li>menunjukkan pemahaman terhadap konteks teks yang diuji; dari segi masa, tema, genre, sejarah</li> <li>memberikan sokongan dan rujukan yang berkaitan dengan teks; menggunakan nukilan, parafrasa dan peristilahan yang kritis</li> <li>jawapan dalam band ini merupakan jawapan yang efektif untuk mengetengahkan pengetahuan dan pemahaman terhadap teks dan isu yang diketengahkan oleh teks dan soalan</li> </ul>
3 (13-16)	<ul style="list-style-type: none"> <li>jawapan yang memuaskan; menunjukkan respons peribadi yang kritis dan berpengetahuan terhadap teks</li> <li>membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks</li> <li>menilai kesan bentuk, gaya dan bahasa yang digunakan oleh penulis</li> <li>mengembangkan respons terhadap soalan dengan teratur</li> <li>menunjukkan pemahaman yang baik terhadap konteks teks yang diuji; dari segi masa, tema, genre, sejarah</li> <li>memberikan sokongan yang sesuai daripada teks, sama ada terlalu banyak atau sedikit, menggunakan tukilan, parafrasa dan peristilahan yang kritis dengan tepat</li> </ul>

BAND	PENERANGAN
4 (9-12)	<ul style="list-style-type: none"> <li>jawapan dalam band ini menggunakan gaya yang efektif untuk mengetengahkan pengetahuan dan pemahaman terhadap teks dan isu yang diketengahkan oleh teks dan soalan tetapi terdapat kesilapan kecil</li> <li>jawapan yang agak memuaskan; menunjukkan pengetahuan calon dan respons peribadi terhadap teks</li> <li>membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks</li> <li>respons yang diberikan kebanyakannya dalam bentuk naratif tentang cerita/teks tetapi terdapat percubaan untuk menilai kesan penggunaan bentuk dan bahasa penulis; berkemungkinan mengandungi sedikit kesilapan</li> <li>memberikan respons kepada soalan kebanyakan masa; menggunakan struktur yang mudah tetapi mengandungi sedikit penyimpangan</li> <li>kadangkala menunjukkan pemahaman terhadap konteks teks yang diuji; dari segi masa, tema, genre, sejarah</li> <li>isi yang diberikan disokong dengan contoh daripada teks, nukilan dan parafrasa yang kebanyakannya sesuai; kemungkinan menggunakan peristungahan yang kritis tetapi kadangkala terdapat kesilapan</li> <li>jawapan dalam band ini menggunakan gaya yang biasa untuk mengemukakan pengetahuan dan pemahaman terhadap teks tetapi isu-isu yang dikemukakan agak kabur</li> </ul>
5 (5-8)	<ul style="list-style-type: none"> <li>jawapan yang agak genjut; cuba memberikan respons terhadap teks yang menunjukkan pengetahuan terhadap teks tersebut</li> <li>membuat rujukan yang sesuai terhadap penggunaan bentuk, struktur dan bahasa penulis untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks</li> </ul>
6 (1-4)	<ul style="list-style-type: none"> <li>terdapat percubaan untuk menjawab soalan tetapi merupakan percubaan yang terlalu mudah</li> <li>jawapan yang diberikan singkat, tidak diolah dan merupakan jawapan berbentuk poin dan bukan yang berbentuk prosa</li> <li>penyataan idea mudah, banyak kesilapan teknikal dan jawapan berbentuk naratif dan bukannya analitis tetapi kadangkala penerangan yang diberikan bermakna</li> </ul>
7 (0)	<ul style="list-style-type: none"> <li>hanya diberikan jika isi yang diberikan tidak relevan sama sekali</li> </ul>